

# Tingkat kesedaran kesan, bahaya dadah

## 15 pelajar UMS jayakan program Komuniti Bebas Dadah bersama penduduk di Kampung Kobuni



UB 7-11-2019 15  
KOTA KINABALU:

Seramai 15 pelajar Psikologi Pembangunan Belia dan Komuniti, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Komuniti Bebas Dadah yang berlangsung di Kampung Kobuni, Inanam.

Program ini diadakan selama sehari iaitu dari jam 9

pagi sehingga 4 petang dan disertai oleh 40 penduduk kampung yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan ibu bapa.

Program ini bertujuan menambah ilmu pengetahuan mengenai jenis-jenis dadah, memberi kesedaran tentang kesan dan bahayanya penyalahgunaan dadah.

Antara pengisian yang dilaksanakan sepanjang program ini ialah Ice Breaking, latihan dalam kumpulan (LDK), slot 1 iaitu perkongsian daripada bekas penagih dadah dan slot 2 ceramah mengenai dadah.

Pegawai dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Sabah Nazaru-

din Abu Bakar memberi perkongsian dan pengalaman hidupnya ketika beliau pernah terjebak dengan penyalahgunaan dadah.

Beliau berpesan agar jangan sekali-kali untuk mencubanya kerana sekali mencubanya, pasti akan terus ketagih sehingga melakukan jenayah seperti mencuri.

Manakala, Penolong Pegawai Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Sabah Faridah Oyoh, juga menyampaikan ceramah mengenai dadah dan memaklumkan bahawa AADK menyediakan rawatan, perubatan dan pemulihan untuk penagih dadah.

Ketua Kampung Kobuni Aji Rumbuton juga sangat berbesar hati menerima kedatangan pelajar UMS kerana kampung mereka belum pernah mengadakan program berkenaan penyalahgunaan dadah ini.

Majlis perasmian penutupan program ini dirasmikan oleh pensyarah penasihat kursus Psikologi Komuniti, Fakulti Psikologi dan Pendidikan Dr Lailawati Madlan@Endalan.

Program ini sesuai dilaksanakan oleh semua kampung sebagai langkah pertama untuk mengelakkan komuniti kampung berkenaan terjebak dengan penyalahgunaan dadah.



**BERSAMA PENDUDUK:** Barisan Pelajar Tahun 3 Psikologi, barisan tetamu jemputan (Faridah, Dr Lailawati dan Aji) dan penduduk Kg Kobuni, Inanam.